

Headline	Rancang jadikan MKM kolej universiti dalam tempoh lima tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	34	ArticleSize	443 cm ²
AdValue	RM 14,941	PR Value	RM 44,823



Rancang jadikan MKM kolej universiti dalam tempoh lima tahun

KOPERASI adalah antara penyumbang utama kepada pertumbuhan negara malah Dasar Koperasi Negara 2011-2012 mensasarkan koperasi dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang 2020.

Justeru, melalui Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang dirasmikan pada 13 November 1956 mampu melahirkan lebih ramai graduan berkelayakan dan berdaya saing untuk mengurus tadbir hal ehwal koperasi mengikut prinsip yang dipelajari.

Mula diperbadankan sebagai badan berkanun pada 1968, MKM yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menjadi wadah ekonomi negara malah MKM satu-satunya institusi pendidikan koperasi yang ada di rantau Asia.

Seiring peredaran masa, MKM melahirkan ramai graduan yang berkaliber, komited dan berpotensi bagi menggerakkan koperasi di negara ini.

Sehubungan itu, Ketua Pengarah MKM, Dr Ahmad Zahiruddin Yahya memulakan langkah awal transformasi MKM ke arah lebih baik dengan menstruktur semula barisan pentadbiran seterusnya merancang untuk menjadikan MKM sebagai kolej universiti dalam tempoh lima tahun.

“Selepas 57 tahun kewujudan MKM di negara ini, tiba masanya untuk MKM berubah wajah iaitu dengan menambah baik kekurangan yang ada dari sudut fizikal, mentaliti dan semangat.

“Jika hari ini MKM menyediakan peluang pendidikan di peringkat sijil dan diploma manakala Ijazah Sarjana Muda dengan kerjasama dua universiti sedia ada, maka dengan wujudnya kolej universiti, skrol peringkat ijazah boleh dikeluarkan oleh MKM sendiri,” katanya yang baru memulakan tugasnya pada Mac lalu.

Dr Ahmad Zahiruddin menjelaskan, bagi mencapai taraf itu, MKM menubuhkan anak syarikat, MKM Global Holding sebagai landasan untuk menjalankan proses menubuhkan kolej universiti termasuk melakukan trans-

formasi secara berperingkat.

Beliau juga menyifatkan, penggunaan laman sosial seperti Facebook, laman web dan Twitter adalah antara pembaharuan

yang diwujudkan bagi memberi ruang untuk berkomunikasi dan masyarakat dapat berhubung dengan MKM supaya apa yang ditawarkan di MKM dapat diketahui dengan mudah dan pantas.

Selain itu, katanya, MKM menjalinkan hubungan baik dengan media bagi membolehkannya memberitahu kepada masyarakat berkenaan program, latihan dan apa saja yang berkaitan.

Beliau yang berpengalaman selama 16 tahun di bidang pendidikan menyifatkan bahawa pengajian berteraskan koperasi bukan baru tetapi kurang diberikan perhatian.

Oleh itu jelasnya, pembaharuan perlu dibuat supaya masyarakat terutama pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berminat dengan subjek keusahawanan dan koperasi.

Katanya, dalam sistem pendidikan hari ini, asas keusaha-

wanan amat penting untuk melahirkan generasi baru yang berilmu, berkemahiran, kreatif dan berinovasi iaitu tidak hanya meletakkan akademik di tangga kejayaan tetapi lebih daripada itu.

“Keusahawanan dan koperasi perlu bergerak seiring kerana pada masa depan, negara memerlukan generasi yang bukan saja boleh bekerja tetapi berkemahiran dalam semua bidang, malah boleh menubuhkan syarikat dan menjadi majikan dengan menyediakan pelbagai pekerjaan kepada orang lain.

“Koperasi berdaftar di Malaysia kini hampir mencecah 10,000 dan lebih ramai tenaga kerja diperlukan bagi mengisi kekosongan di setiap koperasi.

“Selain itu MKM turut melatih pelajar mendalami ilmu keusahawanan sebagai landasan untuk mereka menjadi usahawan koperasi pada masa depan kelak,” katanya.

Headline	Rancang jadikan MKM kolej universiti dalam tempoh lima tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Jun 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	34	ArticleSize	443 cm ²
AdValue	RM 14,941	PR Value	RM 44,823

Program Pengajian yang ditawarkan MKM

- Sijil Pengurusan Koperasi (e-PJJ)
- Diploma Pengurusan Koperasi
- Diploma Profesional Pengauditan Koperasi MKM-ICMA (e-PJJ)
- Diploma Pengurusan Koperasi (e-PJJ)
- Diploma Pascasiswazah Pengurusan Koperasi (e-PJJ)
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi MKM-UUM)
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi MKM-OUM, e-PJJ)

Untuk keterangan lanjut mengenai program pengajian yang ditawarkan, layari laman web www.mkm.edu.my atau telefon 03-79524500 atau emel ke antarabangsa@mkm.edu.my



KURSUS dan latihan yang ditawarkan MKM dipastikan mampu melahirkan graduan berkualiti bagi menggerakkan koperasi ke arah lebih profesional.